

Faktor-faktor Pengabaian Terhadap Warga Tua di Malaysia

BITARAVolume 4, Issue 2, 2021: 070-084
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Factors of Senior Citizen Neglect in Malaysia]

Hasiah Mat Salleh,¹ Raihanah Abdullah,² Mohd Nurhusairi Mat Hussin²

Abstrak

Pengabaian warga tua merupakan satu permasalahan sosial yang dipandang serius mutakhir ini. Berdasarkan laporan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia terbitan Lancet Global Health, sejumlah 34.7 peratus warga tua yang berusia melebihi 60 tahun mengalami pelbagai bentuk penderaan dan pengabaian. Angka ini dijangka terus meningkat seiring peningkatan kadar warga tua dunia dan juga kepesatan revolusi industri 4.0. Walau bagaimanapun, laporan dan kajian berkaitan pengabaian warga tua masih kurang didedahkan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka secara ilmiah faktor-faktor pengabaian warga tua di Malaysia. Metodologi dalam kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kualitatif bagi memperolehi maklumat berkaitan. Perbincangan isu ini adalah menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap artikel-artikel jurnal yang berkait dengan isu pengabaian. Hasil kajian telah mendapati bahawa 60 peratus faktor pengabaian warga tua adalah berpunca dari anak-anak dewasa atau penjaga berbanding hanya 40 peratus yang disebabkan oleh warga tua itu sendiri. Sikap anak-anak, urbanisasi, jurang komunikasi, keupayaan kewangan, kesedaran dan pendidikan agama anak-anak serta sikap bergantung kepada bantuan oleh institusi, kerajaan dan NGO adalah faktor yang mendorong berlakunya pengabaian terhadap warga tua. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam menjaga dan melindungi warga tua bagi mewujudkan garis panduan dan polisi yang boleh menjamin perlindungan terhadap warga tua

Kata kunci:

Pengabaian, Warga Tua, Faktor Pengabaian.

Abstract

Senior citizen neglect is a social problem, viewed seriously lately. Based on the World Health Organization's report published by Lancet Global Health, it is found that 34.7 per cent of senior citizens aged above 60 years old suffer from various forms of abuse and neglect. This figure will continue to increase with the senior citizen world population increasing rate. However, reports and studies concerning senior citizen neglect are still less disclosed. This study aims to explore the factors of senior citizen neglect in Malaysia scientifically. It employs a qualitative design to obtain related information through content analysis, and the discussion of this issue uses the content analysis of journal articles concerning the issue of neglect. The study results found that factors causing the neglect are primarily centred on adult children or guardians by 60 per cent compared to the senior citizen by 40 per cent. Children's attitudes, urbanisation, communication gaps, financial capacity, adult children and guardians' religious awareness and education, and the depending on institutions, governments, and NGOs assistance attitudes are the main factors leading to senior citizen neglect.

¹ Sultan Haji Ahmad Shah Islamic University College, 25150 Kuantan, Pahang, MALAYSIA

² University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Corresponding Author:

HASIAH MAT SALLEH, Sultan Haji Ahmad Shah Islamic University College, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia.

E-mail: hasiah@kuipsas.edu.my

This study is expected to guide parties involved directly in caring for and protecting senior citizens in establishing guidelines and policies, ensuring protection for the senior citizen.

Keywords:

Neglect, Senior Citizen, Neglect Factors.

Cite This Article:

Hasiah Mat Salleh, Raihanah Abdullah & Mohd Nurhusairi Mat Hussin. 2021. Faktor-faktor pengabaian terhadap warga tua di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 70-84.

Pengenalan

Proses penuaan telah menjadi satu fenomena global dunia. Fenomena ini turut berlaku di negara-negara Asia termasuklah Malaysia. Menurut kajian yang dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (2007), bilangan warga tua di Malaysia pada tahun 2035 dijangka mendominasi hampir 15 peratus dari keseluruhan jumlah penduduk (Nur Hanis Hazlan, Mardhiah Abdull Rahman & Khadijah Alavi, 2019; Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani, 2015; Norlaila Abu Bakar, Nor Aini Idris & Selavaratnam, 2009). Hal ini berlaku ekoran peningkatan jangka hayat warga tua melalui tahap kesihatan warga tua yang lebih baik diikuti dengan kemerosotan kadar kelahiran penduduk Malaysia. Selain itu, kemajuan industri perubatan juga menyebabkan jangka hayat berdasarkan gender warga tua wanita lebih tinggi dengan peningkatan umur daripada 77 tahun kepada umur 79 tahun berbanding umur warga tua lelaki (Nur Syakiran Akmal Ismail, Norehan Abdullah, Kalthum Hassan, Shamzaeffa Samsudin, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Rohana Yusof & Nurzalyna Mohamed Zaki, 2017; Choo, W. Y., Noran Naqiah Hairi, Rajini Sooryanarayana, Raudhah Mohd Yunus, Farizah Mohd Hairi, Norliana Ismail, et al., 2016).

Warga tua adalah merupakan insan istimewa yang sudah berada di penghujung usia. Di Malaysia, warga tua ditakrifkan sebagai mereka yang telah mencapai usia 60 tahun dan keatas dengan mengambil kira takrifan oleh *United Nation World Assembly on Ageing* yang berlangsung di Vienna pada tahun 1982. Pada usia ini, penurunan ke atas tahap keupayaan emosi, fizikal, intelektual mula berlaku sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat kelima dari surah al-Hajj yang bermaksud:

“ ..kemudian dengan beransur-ansur kamu menginjak dewasa, dan diantara kamu ada yang dimatikan dan ada pula diantara kamu yang dikembalikan sehingga usia yang sangat tua, sehingga dia tidak mengetahui lagi sesuatu yang diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila Kami turunkan air hujan di atasnya hiduplah bumi itu dan menjadi subur dan menumbuhkan berbagai jenis pasangan tumbuh-tumbuhan yang indah”.

Ayat di atas menjadi bukti bahawa usia tua adalah satu aturan fitrah setiap manusia yang dipanjangkan usia dan ketika itu berkurangnya keupayaan seseorang manusia tersebut. Ketika usia tua, keperluan kepada penjagaan dan perlindungan oleh anak-anak dan penjaga merupakan suatu keperluan utama bagi warga tua. Namun mutakhir ini, pengabaian dan penderaan ke atas

warga tua mengalami peningkatan dan menjadi satu isu yang memerlukan perhatian dari pelbagai pihak (Asiah Bidin, Noraida Harun, Kamaliah Salleh, Noor 'Ashikin Hamid, 2019). Menurut Asiah Bidin et al. (2019), penderaan dan pengabaian kepada golongan ini kebanyakannya adalah dari kategori jenayah domestik. Ini bermaksud kebanyakan kes-kes penderaan adalah dari kalangan ahli keluarga. Kes-kes di bawah jenayah domestik adalah tertakluk kepada Akta Keganasan Rumahtangga dan Akta 303 Kanun Keseksaan. Namun, sejauhmana ianya dapat ditangani bergantung kepada laporan oleh mangsa, keluarga dan masyarakat kepada pihak berkuasa. Kajian yang disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia terbitan *Lancet Global Health* menyatakan bahawa 16 peratus warga tua yang berusia melebihi 60 tahun mengalami penderaan psikologi, 11.6 peratus pula mengalami penderaan dari segi kewangan, 4.2 peratus yang lain mengalami pengabaian, 2.6 peratus pula didera dari segi jasmani manakala 0.9 peratus pula mengalami penderaan seksual. Jenayah seumpama ini terus meningkat ekoran ketiadaan perlindungan khusus terhadap golongan ini.

The American Psychological Association (2012) menyatakan bahawa terdapat lima perbuatan yang termasuk dalam bentuk-bentuk penderaan warga tua iaitu penderaan fizikal, penderaan psikologi atau emosi, seksual, kewangan atau harta dan pengabaian. Pengabaian adalah termasuk dalam jenis penderaan namun kajian dalam aspek pengabaian masih kurang dilakukan berbanding penderaan lain. Ini berikutan senario pengabaian kurang diambil berat sebagai masalah sosial dan dipandang sepi oleh masyarakat (Dong, 2017; Raudah Mohd Yunus, Noran Naqiah Hairi, Choo, W.Y., Faridah Mohd Hairi, Rajini Sooryanarayana, Sharifah Nor Ahmad, et al., 2017; Choo et al., 2016 dan Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2009). Justeru itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti konsep pengabaian terhadap warga tua di Malaysia. Fokus perbincangan artikel ini adalah terhadap faktor-faktor pengabaian terhadap warga tua di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, analisis kandungan secara tematik dilakukan berhubung masalah ini secara mendalam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan terhadap kajian-kajian lalu bagi menjawab persoalan kajian dan memenuhi objektif kajian. Aspek penjagaan warga tua merupakan perkara penting dalam memastikan kesejahteraan warga tua. Namun begitu, kajian dalam aspek pengabaian masih kurang berbanding isu-isu lain berkaitan warga tua. Oleh itu, kajian ini menganalisis data-data bagi faktor pengabaian terhadap warga tua di Malaysia. Data ini dianalisis menggunakan kod-kod dan kategori dengan disusun secara tematik mengikut tema-tema yang sesuai menggunakan perisian Atlas-ti 8.

Menurut Boyatzis (1998), analisis secara tematik adalah merupakan suatu penelitian kualitatif bagi memahami sesuatu fenomena atau gejala sosial yang berlaku dengan mendapatkan gambaran yang terperinci terhadap fenomena tersebut. Analisis tematik yang menitikberatkan tema-tema yang berlaku dapat membuktikan hal-hal yang berkaitan tema tersebut dengan huraian terperinci di dalam dapatan kajian. Perbincangan yang mendalam berkaitan tema adalah penting bagi mengenalpasti bentuk-bentuk pengabaian dan faktor-faktornya dalam kalangan warga tua di Malaysia.

Konsep Pengabaian Warga Tua

Pengabaian terhadap warga tua ditakrifkan sebagai kegagalan penjagaan terhadap kebajikan warga tua merangkumi pengabaian terhadap kesihatan, penyediaan keperluan asas, ubat-ubatan dan kebersihan tempat tinggal (Nurhayati Mohamad, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad & Nur Saadah Mohamad Aun, 2017; Amran Hassan, Noriah Mohamed & Zubaidah Rasol, 2013; Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, 1992). Pengabaian juga ditakrifkan sebagai keengganan penjaga dan anak-anak (Siti Zaila Husin & Khadijah Alavi, 2016; Asiah Bidin & Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2015; Shalini Sanmargaraja, 2012) dalam melaksanakan tanggungjawab penjagaan terhadap warga tua sehingga ke tahap melakukan keganasan terhadap fizikal warga tua (Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani, 2015).

Takrifan di atas adalah sama sebagaimana takrifan oleh *National Center on Elder Abuse* (2005) yang menyatakan bahawa pengabaian adalah kegagalan penjaga terhadap obligasi menyediakan keperluan asas terhadap seseorang warga tua termasuklah pengabaian terhadap penjagaan diri warga tua, kebersihan, kesihatan dan membiarkan mereka keseorangan di rumah. Kedua-dua takrif di atas bagaimanapun berlawanan dengan definisi oleh Bonnie dan Wallace (2002) yang mengklasifikasikan *abuse*, *neglect* serta *exploitation* adalah suatu bentuk penganiayaan (*mistreatment*) terhadap warga tua dan bukannya pengabaian. Walaupun terdapat perbezaan terhadap penggunaan istilah, pengkaji berpandangan bahawa penakrifan penganiayaan adalah sama dengan pengabaian namun Bonnie dan Wallace lebih menfokuskan kepada kesan pengabaian tersebut yang merupakan suatu bentuk penganiayaan terhadap warga tua.

Dalam mengkategorikan bentuk-bentuk pengabaian pula, terdapat beberapa pandangan yang menjelaskan pelbagai pengabaian yang berlaku terhadap warga tua. Menurut Bidin et al. (2019), terdapat dua jenis pengabaian iaitu pengabaian oleh penjaga dan pengabaian oleh warga tua terhadap diri sendiri. Pengabaian oleh penjaga berlaku apabila penjaga gagal untuk menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian, perubatan dan kediaman terhadap warga tua. Selain itu, ia juga berlaku apabila penjaga meninggalkan warga tua bersendirian di rumah dan cuai dari aspek penjagaan diri, kebersihan dan juga kesihatan warga tua. Pengabaian terhadap diri sendiri pula adalah merujuk kepada pengabaian oleh seseorang warga tua terhadap diri mereka sendiri. Pengabaian diri sendiri berlaku apabila warga tua tersebut dengan sendirinya cuai menjaga diri dan keperluan hidup mereka seperti enggan makan, tidak mengambil ubat seperti yang ditetapkan oleh doktor dan juga tidak menjaga kebersihan fizikal diri mereka seperti yang sepatutnya. Hal ini biasa berlaku terhadap warga tua yang kerungsingan apabila ditinggalkan bersendirian atau warga tua yang mengalami penyakit kronik dan demensia yang menyukarkan mereka mengurus diri sendiri lantas mengambil jalan mudah membiarkan diri mereka tanpa makanan dan juga penjagaan kebersihan.

Pembahagian pengabaian di atas adalah berbeza dengan pandangan Khadijah Alavi (2002) dan Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid (1992) yang membahagikan pengabaian dalam kalangan warga tua kepada lima bentuk pengabaian iaitu pengabaian fizikal, sosial, kewangan, emosi dan kebersihan tempat tinggal. Pendapat mereka berdua hampir sama dengan pandangan Azman (2017) yang membahagikan jenis pengabaian warga tua kepada empat iaitu

pengabaian fizikal, emosional, kewangan dan material namun tidak menyatakan pengabaian sosial dan kebersihan tempat tinggal. Ini berikutan pengabaian kebersihan tempat tinggal adalah termasuk dalam pengabaian fizikal manakala pengabaian sosial juga turut merangkumi pengabaian dari segi emosi dan fizikal.

Faktor-faktor Pengabaian Warga Tua

Kes-kes pengabaian terhadap warga tua semakin membimbangkan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO 2002) dan *American Psychological Association* (2012), saban hari pengabaian terhadap warga tua semakin meningkat seiring peningkatan populasi warga emas dunia. Dianggarkan sekitar 675,000 orang atau hampir 30 peratus warga tua di Malaysia mengalami isu pengabaian dan jumlah ini akan meningkat dengan peningkatan populasi warga tua sebanyak 24 peratus di negara Asia pada tahun 2050 (Siti Zaila Husin & Khadijah Alavi, 2016 & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2015). Penelitian terhadap faktor-faktor pengabaian perlu dikenalpasti dan dianalisis bagi mencari solusi kepada permasalahan ini. Secara keseluruhannya faktor-faktor pengabaian daripada analisis kajian-kajian lepas terbahagi kepada lapan faktor sepertimana berikut:

Sikap Anak-anak

Pengabaian terhadap warga tua adalah berpunca daripada sikap anak-anak dan penjaga itu sendiri. Dewasa ini, kebanyakan anak-anak lebih suka bersikap individualistik terutamanya dalam usaha mendapatkan kesenangan diri tanpa mempedulikan keadaan ibubapa warga tua yang masih hidup serta bergantung harap dengan mereka. Anak-anak Dalam mengejar kesenangan dan kemewahan, anak-anak telah memperuntukkan masa yang panjang untuk bekerja, cenderung pulang larut malam dengan membiarkan warga tua keseorangan di rumah, berjauhan dengan warga tua untuk memenuhi kemewahan hidup, jarang menjenguk ibubapa di kampung bahkan apabila bersama ibubapa warga tua, anak-anak lebih suka melayani urusan kerja mereka di rumah ataupun sibuk dengan gajet yang ada.

Sikap sambil lewa anak-anak menyebabkan warga tua terabai, bersendirian, kesunyian dan meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa mereka. Waktu tua adalah waktu untuk bergembira dengan anak-anak dan cucu setelah melewati dunia kesibukan berkerja. Namun, kesibukan dan sikap tidak ambil berat anak-anak terhadap ibu bapa warga tua menyebabkan tiada keindahan dan kegembiraan yang berlaku. Anak-anak lupa bahawa warga tua lah yang membesarkan, menjaga dan mendoakan mereka sehingga berjaya dan dapat hidup dengan sempurna apabila dewasa.

Terdapat juga anak-anak yang cenderung melepaskan tanggungjawab menjaga warga tua kepada ahli keluarga lain, jiran tetangga, institusi dan masyarakat. Anak-anak yang bersikap begini akan mengabaikan keperluan warga tua sehingga menyebabkan warga tua berusaha keluar mendapatkan bantuan jiran tetangga dan juga ahli keluarga yang lain. Mereka akan berjalan ke rumah jiran berhampiran untuk mendapatkan perhatian dan bantuan barangan keperluan. Kajian oleh Nurizan Yahaya, Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid & Norisma Aiza (2008) mendapati, kebanyakan warga tua wanita mendapatkan sokongan dan bantuan daripada

saudara-mara dan jiran selain anak apabila berlakunya pengabaian. Sokongan yang diperolehi sama ada berbentuk kewangan, kasih sayang, barangan dan perhatian bergantung kepada umur, taraf perkahwinan dan bilangan anak warga tua tersebut.

Menurut kajian Surina Nayan (2016) pula, warga tua yang uzur dan mempunyai penyakit kronik adalah lebih terdedah kepada pengabaian. Ini berikutan anak-anak merasakan warga tua adalah beban bagi mereka dan mengganggu penumpuan mereka terhadap kerjaya. Kesukaran untuk bercuti, jarak tempat kerja yang jauh mendorong mereka membiarkan warga tua bersendirian di rumah ataupun meletakkan tanggungjawab menjaga warga tua kepada jiran tetangga. Faktor ketiadaan peralatan sokongan pergerakan seperti kerusi roda di rumah anak-anak juga menyebabkan warga tua tidak mampu bergerak dan dibiarkan tanpa makanan serta hidup dalam keadaan tidak bersih ekoran tiada keupayaan mobiliti membersihkan diri sendiri.

Terdapat juga anak-anak dewasa dan generasi muda mutakhir ini yang kurang menghormati warga tua. Kurangnya kesedaran dan didikan dari kecil akan nilai-nilai murni dan keperluan menghormati warga tua adalah antara faktor sikap anak-anak dan generasi muda masa kini membiarkan warga tua berdikari walaupun hakikatnya mereka amat bergantung kepada anak-anak generasi muda. Kesenangan yang diperolehi oleh anak-anak dan generasi muda juga menyebabkan mereka terus membelakangkan ibubapa, membiarkan warga tua, menjauhi dan mengabaikan kerana mereka merasakan mampu berdiri sendiri tanpa memerlukan sokongan dan nasihat warga tua. Akhirnya, berlaku jurang yang amat luas di antara warga tua dan anak-anak dalam dunia masing-masing sedangkan dalam masa yang sama warga tua yang memerlukan perhatian daripada anak-anak bagi meneruskan sisa usia yang masih berbaki. Sikap membelakangkan warga tua adalah suatu perbuatan yang ditegah sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Allah s.w.t redha dengan sebab redha kedua ibu bapa dan Allah s.w.t. murka dengan sebab murka kedua ibu bapa.” (Riwayat Tirmidzi, Ibnu Hibban & Al-Hakim)

Berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa pengabaian terhadap ibubapa dan warga tua mendatangkan kemurkaan Allah s.w.t dan hukumnya berdosa. Sikap anak-anak yang sebegini bukan sahaja memudaratkan warga tua bahkan juga merosakkan nilai akhlak dan budaya bangsa.

Urbanisasi

Proses kemajuan dan kemodenan telah memberi kesan kepada institusi keluarga yang kini menjadi seperti sebuah keluarga nuklear. Hal ini merujuk kepada penjarakan fizikal di antara warga tua dan juga anak-anak. Faktor kerjaya dan keinginan meningkatkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi telah mendorong anak-anak generasi muda berhijrah dan tinggal berasingan dengan warga tua. Pengasingan fizikal ekoran mementingkan kerjaya dan kemewahan hidup menjadikan tanggungjawab menjaga warga tua dianggap sebagai satu bebanan oleh anak-anak dan penjaga (Nur Syakiran Akmal Ismail, Norehan Abdullah, Kalthum Hassan, Shamzaeffa Samsudin, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Rohana Yusof & Nurzalyna Mohamed Zaki, 2017; Noraini et al., 2015; Khadijah Alavi & Rahim M. Sail., 2010 & Surina Nayan, 2006). Menurut Fatimah Abdullah, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Mohd Suhaimi Mohamad (2015) dan Nichols (2007), anak-anak yang tinggal berjauhan dengan ibubapa kurang memberi perhatian dan

penjagaan yang baik berbanding mereka yang tinggal berhampiran kediaman warga tua (Siti Fatimah Salleh & Syh Noorul Madidah Syed Husin, 2014).

Terdapat juga majikan yang mengarahkan anak-anak berpindah ke daerah-daerah yang lebih jauh dari kediaman ibubapa seperti guru-guru yang ditugaskan di pedalaman atau luar dari negeri kelahiran. Menurut Mohd Abdillah Royo & Sew Fun Woo (2010), kedudukan tempat tinggal yang jauh daripada keluarga memberi tekanan yang melampau para guru dan mengganggu tugas guru tersebut. Pandangan ini disokong oleh Asiah Bidin et al. (2017) yang menyatakan jarak yang jauh di antara anak-anak dan warga tua membuka jurang komunikasi dan menyukarkan perhubungan antara mereka. Terutamanya bagi mereka yang mempunyai ibubapa warga tua yang uzur, jarak yang jauh membataskan peranan dan waktu anak-anak serta menyukarkan anak-anak untuk mengimbangi kedua-dua peranan tersebut sehingga membawa kepada pengabaian warga tua (Nurul Farhana Azman & Zuria Mahmud, 2017; Noraini Che' Sharif, 2015).

Selain itu, tumpuan ke arah negara maju menyebabkan usaha anak-anak tertumpu kepada peningkatan taraf hidup, kerjaya dan pendidikan semata-mata. Senario ini menyebabkan wanita terlibat secara aktif dalam kerjaya sehingga gagal melaksanakan tanggungjawab menjaga warga tua di rumah. Menurut Nurul Farhana Azman dan Zuria Mahmud (2017), apabila ramai wanita berkerjaya tumpuan adalah lebih tertumpu kepada kerjaya disamping keluarga sendiri dan anak-anak. Pandangan ini adalah sama seperti yang dinyatakan oleh Aishah@Eshah Mohamed dan Katiman Rostam (2012) serta Khadijah Alavi et al. (2011) yang menyatakan tumpuan kepada kerjaya dan keluarga sendiri telah menyebabkan anak-anak wanita cenderung mengabaikan ibubapa sehingga ibubapa terpaksa bersendirian dan meminta sokongan sosial daripada kejiiran.

Jurang Komunikasi

Komunikasi adalah perkara yang amat penting dalam penyampaian maklumat yang berkesan apatah lagi untuk mencapai kesejahteraan hidup warga tua. Dalam banyak keadaan, pengabaian berlaku disebabkan jurang komunikasi yang berlaku antara warga tua dengan anak dewasa serta generasi muda (Nurul Farhana Azman & Zuria Mahmud, 2017; Noraini Che' Sharif, 2015; dan Khadijah Alavi et al., 2015). Diantara pencetus yang membina jurang komunikasi tersebut adalah kesihatan warga emas yang mengganggu komunikasi, gaya bahasa atau loghat bahasa warga tua, kemerosotan daya pancaindera, taraf pendidikan generasi muda, sikap dan keadaan warga tua itu sendiri.

Menurut kajian Zainon Ghazaley & Azlinda Azman (2013) ke atas warga tua di Cheras, kajian tersebut mendapati bahawa kurangnya komunikasi dan interaksi warga tua bersama ahli keluarga memberi kesan yang signifikan terhadap kemerosotan kesejahteraan warga tua. Kajian ini disokong oleh kajian Mohamad (2017) yang menyatakan bahawa antara faktor kurangnya interaksi ialah disebabkan oleh tiadanya persefahaman antara warga tua dan menantu, gaya komunikasi warga tua yang menyumbang kemarahan dikalangan anak-anak dewasa, warga tua yang meninggi suara, bercakap berulang kali, kerap marah, lantunan suara yang menengking dan suka menegur kesilapan generasi muda secara terus. Tahap pendidikan dan kerjaya anak-anak dewasa yang tinggi berbanding warga tua juga membentuk jurang komunikasi yang menjadikan hubungan antara mereka semakin renggang (Rokiah Omar, Knight, Nur Zakiah

Mohd Saat, Sazlina Kamaralzaman & Sharifah N. Syed Alwi, 2011). Kurang komunikasi dan interaksi diantara warga tua dan anak-anak dewasa menyebabkan warga tua merasa tersisih serta lebih suka bersendirian atau mengambil keputusan berada di institusi-institusi penjagaan.

Keadaan warga tua yang semakin tua menyumbang kepada isu komunikasi apabila perbagai kefungsiian pancaindera seperti penglihatan, pendengaran, deria sentuhan dan keupayaan memproses makluman semakin merosot. Warga tua lambat memberi maklum balas dan menyebabkan kemarahan anak-anak dewasa serta salah faham terhadap maklumat yang diterima. Ini ditambah lagi dengan gaya bahasa yang berbeza serta loghat yang berlainan menyukarkan proses komunikasi. Terdapat juga ibubapa warga tua yang berpenyakit kronik seperti strok atau angin ahmar, penyakit paru-paru yang sukar bernafas dan berkomunikasi, penyakit demensia yang mengganggu komunikasi antara warga tua bersama anak-anak atau penjaga (Mohamad et al., 2017). Menurut Gasiorek dan Giles (2012), isu gangguan kepada komunikasi mengundang kemarahan anak-anak dewasa dan lebih terdedah kepada penderaan serta pengabaian. Ini disokong oleh pendapat Campion, Lachs dan Pillemer (2015) yang menyatakan bahawa warga tua yang menghadapi penyakit lebih berisiko tinggi ke atas pengabaian dan penderaan. Warga tua begini lebih cenderung untuk tinggal di rumah sendiri atau institusi penjagaan.

Kerenah Warga Tua

Selain faktor komunikasi, karenah ibubapa warga tua turut menyumbang kepada berlakunya pengabaian ke atas mereka. Menurut Noraini Che' Sharif et. al. (2015), terhadap warga tua yang tidak mempercayai anak-anak untuk menjaganya mereka dengan baik. Apabila ini berlaku, warga emas cenderung marah apabila lambat mendapat apa yang mereka kehendaki, melempar barang-barang dan suka memaki bagi mencari kesalahan anak-anak (Nur Hanis Hazlan et al., 2019). Rosnah Ismail dan Habibie Ibrahim (2002) pula menyatakan sikap tersebut menyebabkan anak-anak dewasa sukar untuk memahami perasaan warga tua dan merasakan ianya suatu bebanan.

Terdapat juga warga tua yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana kediaman anak-anak, bersikap sensitif, mewujudkan pergaduhan dengan menantu, berperangai seperti kanak-kanak kecil, memberontak, cepat marah dan melakukan perkara yang dilarang seperti menumpahkan makanan, membuang najis tanpa memberitahu dan lain-lain. Situasi ni menyebabkan anak-anak hilang sabar. Apatah lagi dalam keadaan anak-anak yang berkerja dan keletihan, mereka cenderung untuk mendera dan mengabaikan warga tua (Nur Hanis Hazlan et al., 2019).

Tahap Kesihatan Warga Tua

Faktor kesihatan warga tua adalah antara faktor penyumbang kepada berlakunya pengabaian penjaga dan anak-anak terhadap golongan ini (Azura Tamat & Vellymalay, 2019; Siti Zaila Husin & Khadijah Alavi, 2016). Anak-anak yang berkerjaya biasanya tidak berupaya menjaga ibubapa yang mengalami penyakit kronik ekoran kos rawatan dan peralatan, kesukaran bercuti serta waktu yang terhad menemani warga tua untuk mendapatkan rawatan. Ekoran kesibukan

dan ketidakupayaan tersebut, anak-anak dewasa dan penjaga akan membiarkan warga tua bersendirian di rumah dalam keadaan sakit tanpa pengawasan atau menyerahkan urusan rawatan di hospital tanpa menziarahi. Keadaan ini menimbulkan pengabaian dalam kalangan warga tua dan membebankan pihak hospital.

Terdapat juga warga tua yang mengalami masalah kesihatan yang melibatkan pengurangan keupayaan mental seperti demensia, hilang upaya dan penyakit kronik yang lain. Penjagaan warga tua dalam situasi ini memerlukan penjagaan yang rapi, masa yang lebih panjang dan kos kewangan yang lebih tinggi. Ketidakupayaan anak-anak dari aspek masa penjagaan dan kos menyebabkan mereka terpaksa menghantar ibu bapa ke rumah sakit tanpa melawat ibu bapa tersebut. Ada juga anak-anak yang membiarkan sahaja ibu bapa yang sakit di rumah sehingga meningkatnya kes warga tua kurang upaya dan sakit terlantar yang ditinggalkan di hotel, stesen bas, hospital, klinik tanpa belas kasihan (Khadijah Alavi et al., 2017).

Keupayaan Kewangan

Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa keupayaan kewangan mempengaruhi pengabaian terhadap warga tua. Menurut Thamil Chelvi & Suresh Kumar (2017), faktor kekangan kewangan anak-anak dan saudara terdekat, masalah kesihatan dan sikap warga tua yang memahami kesukaran anak-anak menjaga mereka serta perasaan tidak mahu menyusahkan anak-anak mempengaruhi pemilihan warga tua untuk tinggal di Rumah Seri Kenangan. Kajian ini disokong oleh Noraini Sharif et al. (2015) yang mendapati bahawa keadaan anak-anak yang berpendapatan sederhana, mempunyai keluarga yang besar, tinggal di bandar, mempunyai kos sara hidup yang tinggi cenderung mengabaikan wang perbelanjaan sara hidup ibubapa warga tua. Mereka tidak berupaya memberi wang perbelanjaan untuk warga tua membeli keperluan asas seperti makanan dan pakaian yang menyebabkan berlakunya pengabaian kewangan dan material.

Ketiadaan wang sara hidup menyebabkan warga tua tidak dapat membeli makanan berkhasiat, menyediakan tempat tinggal yang selesa, pakaian yang baik, rawatan serta perubatan. Warga tua akan menghadapi masalah kesihatan serta kemurungan yang boleh mendatangkan bahaya ke atas diri dan akal warga tua. Sebagai seorang anak yang bertanggungjawab, seharusnya mereka menjaga hal-hal yang berkaitan dengan keperluan asas ibubapa dan kesihatan.

Kefahaman dan Didikan Agama

Selain faktor keupayaan kewangan, kurangnya kesedaran dan kefahaman terhadap tanggungjawab menjaga dan memelihara ibubapa serta warga emas adalah antara punca berlakunya pengabaian terhadap golongan ini. Anak-anak muda dan dewasa kurang didedahkan berkaitan ilmu gerontologi, adab bersama warga tua dan menghormati warga tua. Menurut Surina Nayan (2006), generasi muda kini kurang menghargai segala susah payah dan pengorbanan warga tua seperti anak-anak yang tidak memahami susah payah usaha ibubapa yang kini warga tua dalam melahir, menjaga dan mendidik mereka sehingga dewasa.

Pengorbanan dan usaha warga tua menghantar mereka ke sekolah, menjaga kesihatan dan memenuhi keperluan generasi muda sehingga dewasa bukanlah sedikit. Ada kalanya, warga tua tidak makan semata-mata bagi memenuhi keperluan harian anak-anak dan pendidikan. Apabila mereka dewasa, mereka lupa akan kesusahan ibubapa warga tua dan membiarkan warga tua tanpa penjagaan. Bahkan ada anak-anak yang tidak pulang menjenguk ibubapa dan tidak menyediakan keperluan ibubapa apatah lagi kasih sayang. Telah hilang nilai dan perasaan menghormati serta menghargai warga tua di dalam diri generasi muda kini.

Warga tua juga bukan hanya berkorban untuk keluarga dan anak-anak, bahkan dahulunya mereka adalah insan-insan yang bertanggungjawab membangunkan negara, berjuang menghadapi penjajah dan memastikan kemajuan negara sehingga ke tahap yang dinikmati oleh generasi muda kini. Seharusnya usaha, pengorbanan dan susah payah mereka berkorban serta berjuang tersebut diingati dan dihargai oleh generasi muda kini. Warga tua perlu diberi penjagaan yang baik, perhatian yang cukup atas bakti yang mereka lakukan dahulu. Kajian oleh Mohamad (2017) juga menyatakan bahawa kurangnya penghargaan dan kesedaran menghormati warga tua kini menyebabkan ada anak-anak yang tidak mempelawa ibubapa untuk ke rumah mereka. Bagi mereka kehadiran ibubapa adalah suatu hal yang boleh mengganggu kehidupan keluarga mereka. Oleh yang demikian, warga tua berasa amat terkilan dengan sikap anak-anak pada masa kini.

Menurut Nurul Hanis Hazlan et al. (2019) pula, sikap generasi muda yang tidak tahu berinteraksi dengan baik terhadap warga tua adalah disebabkan kurangnya didikan agama dan nilai murni yang serta ilmu penjagaan warga tua yang ada dalam diri anak-anak. Maka ilmu berkaitan penjagaan warga tua dan kaedah mendekati warga tua yang betul perlu dibangunkan dan diajar di institusi pendidikan bermula dari tahap pendidikan rendah lagi. Terutamanya dalam aspek memahami emosi warga tua dan menghormati mereka. Manakala bagi pendidikan peringkat tinggi pula, perlu ditekankan ilmu berkaitan penjagaan warga tua uzur serta psikologi warga tua agar semua anak-anak generasi muda dapat bersedia untuk menjaga ibubapa mereka setelah tua nanti. Selain nilai murni, didikan agama hendaklah diterapkan kepada generasi muda dari peringkat awal berkaitan kewajipan menjaga ibubapa serta generasi tua dalam masyarakat (Surina Nayan, 2006).

Kebergantungan kepada Bantuan Kerajaan


Dewasa ini, pembinaan rumah-rumah jagaan warga tua telah pesat dilakukan sama ada oleh kerajaan, NGO dan juga orang perseorangan. Begitu juga bantuan kewangan, barangan dan pakaian. Antara pihak yang sangat perihatin dalam memberi bantuan kepada warga tua ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kemudahan ini telah memberi kelegaan dan meringankan beban terutamanya kepada warga tua yang tidak mempunyai anak dan tidak berkeluarga.

Namun, apa yang menyedihkan, kemudahan yang diwujudkan ini telah diambil kesempatan oleh anak-anak generasi muda bagi melepaskan tanggungjawab mereka dengan tidak mengunjungi ibubapa di pusat jagaan, tidak memberikan wang perbelanjaan kepada ibubapa bahkan melepaskan tanggungjawab tersebut kepada JKM, kejiwaan, masyarakat dan hospital. Kajian yang telah dilakukan oleh Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani (2015) mendapati, kurangnya kunjungan anak-anak ke

pusat penjagaan bagi melawat warga tua telah mengurangkan rasa kasih sayang dan menurunkan tahap kesejahteraan warga tua. Terdapat warga tua yang menyatakan walaupun anak-anak telah mengabaikan mereka namun mereka masih berharap agar suatu hari nanti ada anak yang dapat menziarahi mereka, bertanya khabar dan mengambil kembali mereka pulang ke rumah.

Kajian di atas disokong oleh kajian Zakaria (2013) yang menyatakan bahawa warga tua yang berada di rumah penjagaan akan berdepan dengan risiko kesunyian yang lebih tinggi. Antara pusat-pusat jagaan di bawah JKM di Malaysia ialah Rumah Penyayang Baitul Hanan, Perlis, Penda Orang-orang Tua Belantik, Kedah, Rumah Harapan Orang Tua Gulau, Kedah dan Rumah Orang Tua Charis, Kuala Lumpur. Bagi kajian yang dilakukan oleh Surina Nayan (2006) di Rumah Seri Kenangan (RSK) pula, ibubapa kesunyian tidak dapat menghubungi atau dihubungi secara terus oleh anak-anak ekoran pihak pengurusan tidak membenarkan warga tua memegang telefon bimbit bagi mengelakkan kes kecurian dan kerosakkan yang boleh mencetuskan pergaduhan dikalangan penghuni. Mereka hanya dibenarkan memohon menggunakan telefon di pejabat RSK jika perlu menghubungi anak-anak. Situasi ini menghadkan lagi perhubungan antara warga tua yang kerinduan dengan anak-anak mereka. Anak-anak juga terus leka sehingga begitu lama tidak menghubungi ibubapa dan mengabaikan tanggungjawab terhadap warga tua.

Keseluruhan faktor-faktor pengabaian terhadap warga tua dapat dirumuskan sebagaimana yang berikut:



Rajah 1: Faktor-faktor pengabaian terhadap warga tua oleh anak-anak dewasa dan penjaga.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa pengabaian warga tua kini berada ditahap yang amat membimbangkan. Pengabaian yang paling banyak berlaku adalah berbentuk jenayah komersial yang melibatkan pengabaian oleh anak-anak dan penjaga terhadap warga tua. Berdasarkan kesemua kajian yang dirujuk, didapati bahawa 100 peratus pengkaji bersetuju bahawa pengabaian fizikal, emosi, kewangan dan material adalah bentuk-bentuk pengabaian yang paling kerap dilakukan oleh anak-anak dewasa dan penjaga terhadap warga tua. Namun begitu, pengabaian berbentuk sosial dan kebersihan kediaman amat kurang berlaku. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia masih mengamalkan nilai murni, semangat kejiranan, menitik beratkan kebersihan dan keprihatinan terhadap masyarakat serta mengamalkan semangat tolong-menolong. Faktor-faktor pengabaian juga didapati berpusat kepada faktor-faktor yang berkaitan dengan anak-anak dewasa dan penjaga merangkumi sikap anak-anak dewasa, urbanisasi, jurang komunikasi, keupayaan kewangan, kefahaman dan didikan agama serta kebergantungan kepada bantuan kerajaan. Manakala hanya empat daripada faktor-faktor pengabaian adalah disebabkan oleh kerenah ibubapa dan tahap kesihatan warga tua itu sendiri.

Dapatan menunjukkan penjagaan terhadap warga tua bukanlah suatu hal yang mudah untuk diurus dan ditanggung oleh anak-anak dewasa serta para penjaga. Pengkaji berpandangan sokongan sosial daripada jiran, masyarakat, agensi-agensi kerajaan serta NGO amat penting bagi memberi sokongan dan meringankan beban anak-anak penjaga. Namun begitu, ianya bukanlah suatu peluang untuk anak-anak dewasa serta penjaga melepaskan tanggungjawab tersebut sepenuhnya kepada pihak-pihak tersebut. Pendidikan awal berkaitan tanggungjawab menjaga warga tua adalah suatu nilai murni yang perlu dipupuk dari peringkat pendidikan awal di Malaysia diikuti dengan pendidikan ilmu yang lebih mendalam berkaitan penjagaan warga tua dari aspek emosi dan kesihatan diperingkat menengah dan universiti. Ini berikutan, tanpa ilmu dan kesedaran di peringkat awal, anak-anak dewasa tidak akan merasakan ianya suatu perkara dituntut oleh agama. Hakikatnya penjagaan warga tua bukanlah suatu yang sukar jika ditangani dengan ilmu yang betul.

Bantuan dan sokongan agensi-agensi kerajaan serta NGO juga amat penting dari aspek peralatan kesihatan, nasihat, ubat-ubatan, penyediaan nutrisi makanan yang sihat, bantuan kewangan serta pusat penjagaan dan aktiviti warga tua agar meringankan sedikit bebanan anak-anak dewasa untuk menjaga warga tua. Ini dapat memastikan mereka tidak perlu berhenti kerja bahkan dapat menjaga ibubapa warga tua dengan baik tanpa mengorbankan kerjaya serta dapat mengimbangi antara peranan sebagai anak, pekerja dan ibubapa terhadap keluarga mereka sendiri.

Rujukan

Aishah@Eshah Mohamed & Katiman Rostam. (2012). Warga tua Melayu di pinggir Wilayah Metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(6), 1-14.

- Amran Hassan, Noriah Mohamed & Zubaidah Rasol. (2013). Perasaan 'Loneliness' @ Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor. *Journal of Human Development and Communication, Volume 2*, 89-103.
- Asiah Bidin & Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2015). Abuse of the Malaysian Elderly: An Analysis on the Adequacy and Suitability of the Domestic Violence Act 1994 (Act 521) to Protect the Elderly Victim. *Journal of Management Research, 7(2)*, 71-81.
- Asiah Bidin, Noraida Harun, Kamaliah Salleh, Noor 'Ashikin Hamid. (2019). Remedies for Elder Abuse Victim under Islamic Family Law in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 9(3)*, 439-448.
- Awanis Salleh. (2010). Faktor Pengabaian Anak Terhadap Ibu Bapa. Diakses dari <http://awanis29.blogspot.com/2010/05/rumusan-faktor2-pengabaian-anak.html>.
- Azura Tamat, Vellymalay, S. K. N. (2019). Warga Emas dan Pilihan Penempatan di Pusat Jagaan Harian. *e-Bangi, 16(4)*, 1-22.
- Choo, W. Y., Noran Naqiah Hairi, Rajini Sooryanarayana, Raudhah Mohd Yunus, Farizah Mohd Hairi, Norliana Ismail, et al., (2016). Elder mistreatment in a community dwelling population: The Malaysian Elder Mistreatment Project (MAESTRO) cohort study protocol. *BMJ Open, 6(5)*.
- Dong, X. Q. (2017). Elder self-neglect: Research and practice. *Clinical Interventions in Aging, 12*, 949-954.
- Farhan Hanun Ngah & Denise Koh Choon Lian. (2017). Kualiti Hidup dan Aktiviti Fizikal Warga Emas. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 13(2)*, 44-53.
- Fatimah Abdullah, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Mohd Suhaimi Mohamad. (2015). Cabaran Dalam Penjagaan Tidak Formal Di Malaysia. *SARJANA, 30(2)*, 41-56.
- Gasiorek, J., & Giles, H. (2012). Effects of inferred motive on evaluations of nonaccommodative communication. *Human Communication Research, 38(3)*, 309-331.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017, June 23). Diakses dari <http://www.jkm.gov.my>.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2009). Jenayah dalam Keluarga: Penderaan dan pengabaian Warga Tua di Malaysia. *International Conference on Corporate Law (ICCL)*, 1-12.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2015). Perangkaan Wanita, Keluarga dan masyarakat.
- Khadijah Alavi. (2012). *Dilema penjagaan warga tua*. Penerbit UKM, Bangi, Selangor.
- Khadijah Alavi & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). Komunikasi berkesan dengan Warga Emas : Dari perspektif intervensi kerja sosial. *Jurnal Komunikasi, 33(4)*, 21-37.
- Khadijah Alavi & Rahim M. Sail. (2010). Peranan Wanita Melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: Dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Kajian Malaysia, 28(2)*, 71-105.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Chan, C. (2011). Keperluan sokongan emosional dalam kalangan anak dewasa yang menjaga warga tua. *e-Bangi, 8(1)*, 102-114.
- Mohamad Abdillah Royo & Sew Fun Woo. (2010). Faktor-Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-Guru SJK(C): Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah Persekutuan. *Unpublished*, 1-12.

- Norlaila Abu Bakar, Nor Aini Idris & Selavaratnam, D. P. (2009). Kesejahteraan ekonomi warga emas di Malaysia: Perbezaan gender. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM 1V)*, 316-323.
- Nichols, G. (2017). 'Quest for Quality': An evaluation of the impact on elderly care. *Fields: Journal of Huddersfield Student Research*, 3(1).
- Nor Afiza Mohd Fuzi & Al-Azmi Bakar. (2018). Home Ward Vs Home Help: Pengalaman bersama komuniti Warga Emas di Thailand. *Human Sustainability Procedia*.
- Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani. (2015). Pengamalan dan Faktor Pengabaian Warga Emas dalam Komuniti. *e-Bangi*, 12(1), 118-134.
- Nurhayati Mohamad, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad & Nur Saadah Mohamad Aun. (2017). Pengalaman Sokongan Sosial Intergenerasi dalam Kalangan Warga Emas di Institusi Kebajikan Awam. *Akademika*, 87(1), 65-74.
- Nurizan Yahaya, Tengku Aizan Tengku Abdul Hmaid & Norisma Aiza. (2008). Sokongan sosial di kalangan wanita miskin lewat usia. *Journal of Social Policy and Society*, 5(1), 195-206.
- Nur Syakiran Akmal Ismail. (2016). Mengarusperdana gender di Malaysia: Satu tinjauan konseptual. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 12(7), 160-171.
- Nur Syakiran Akmal Ismail, Norehan Abdullah, Kalthum Hassan, Shamzaeffa Samsudin, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Rohana Yusof & Nurzalyna Mohamed Zaki. (2017). Kesejahteraan hidup warga emas: Perancangan berasaskan gender. *Geografia: Malaysian Journal Of Society and Space*, 3(3), 75–85.
- Nur Hanis Hazlan, Mardhiah Abdull Rahman & Khadijah Alavi. (2019). Meneroka Cabaran Perantis Kerja Sosial Gerontologi Dalam Memberi Perkhidmatan Penjagaan Pesakit Warga Emas Kronik : Kajian Kes Di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-9.
- Nurul Farhana Azman & Zuria Mahmud. (2017). Pengalaman mengendali Pusat Penjagaan Warga Tua. *Proceedings of Seminar on Transdisiplin Education (STEd2017)*, 32-46.
- Nurul Hudani Nawawi, Puteri Hayati Megat Ahmad, Mohd Dahlan A. Malek, Gang, G. C. A. , Habibie Ibrahim & Voo, P., (2016). Intergenerasi, Sokongan Psikologi dan Sosial Penjagaan Warga Tua dalam Pelbagai Etnik di Sabah. *Southeast Asia Psychology Journal, Volume 4*, 24-34.
- Raudah Mohd Yunus, Noran Naqiah Hairi, Choo, W.Y., Farizah Mohd Hairi, Rajini Sooryanarayana, Sharifah Nor Ahmad, et al., (2017). Mortality among elder abuse victims in rural Malaysia: A two-year population-based descriptive study. *Journal of Elder Abuse and Neglect*, 29(1), 59–71.
- Rokiah Omar, Knight, V. F., Nur Zakiah Mohd Saat, Sazlina Kamaralzaman & Sharifah N. Syed Alwi. (2011). Gangguan Penglihatan dan kualiti hidup Warga Emas di Pusat Jagaan. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 9(1), 23-27.
- Rosnah Ismail & Habibie Ibrahim. (2002). *Wanita dan penjagaan warga tua: satu kajian awalan di daerah Tuaran, Sabah. Jurnal Pembangunan Sosial* (4&5). 27-46.
- Personal Finance Research Centre. (2014). *Financial wellbeing in later life*. University of Bristol.

- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Safinah Ismail. (2016). Faktor pemilihan pondok oleh Warga Emas: Kajian di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam*, 9(2).
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2015). Si Tanggung moden dan perubahan makna dalam cerita bermotifkan anak derhaka. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 247-261.
- Shalini Sanmargaraja. (2012). Penyediaan fasiliti di rumah Warga Tua: Kajian kes di bandaraya Ipoh dan Johor Bahru. *Tesis Master*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Fatimah Salleh & Syh Noorul Madidah Syed Husin. (2014). Analisis amalan pemberian nafkah Warga Kelainan Upaya: Kajian di Taman Rahmat. *Journal of Business and Social Development*, 2(1), 94-103.
- Siti Zaila Husin & Khadijah Alavi. (2016). Kerja sosial di Hospital: Meneroka pengabaian dalam kalangan pesakit Warga Emas. *e-Bangi*, 13(5), 462-484.
- Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017, June 23). Diakses dari www.jkm.gov.my
- Suridah Ali, (2016). Kualiti hidup pesara lelaki dan wanita Malaysia: Kajian kes di Besut, Terengganu. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5). 11-21.
- Surina Nayan. (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*, 4(1), 95-105.
- Thamil Chelvi Armugam & Suresh Kumar N Vellymalay. (2017). Dorongan penempatan dan keselesaan diri Warga Tua di Rumah Seri Kenangan (RSK), Taiping, Perak. *e-Bangi*, 12(1), 90-109.
- Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid. (1992). Correlates of filial responsibility among Malay families in Selangor, Malaysia. *Retrospective Theses and Dissertations*. Iowa State University.
- Tengku Aizan Hamid, & Khadijah Alavi. (2002). *Warga Tua Dianiaya*. Dlm Jayaletchumi Mottan, Rohani Abdullah, & Abdullah Al-Hadi Hj. Muhamed (Eds.), *Keluarga dan Keibubapaan* (pp. 146-153). Serdang: Penerbit UPM.
- Utusan Malaysia. (2017, June 2). *Jangka hayat wanita Malaysia kini 79 tahun*. Diakses dari www.utusan.com.my.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2018). *Hukum Menempatkan Ibu Bapa di Rumah Orang Tua*. Bayan Linnas siri ke-127. Diakses dari <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2294-bayan-linnas-siri-ke-127-hukum-menempatkan-ibubapa-di-rumah-orang-tua>.